

# Empangan Congok hampir **kering**

Halim Said

am@hmetro.com.my

■ **Penduduk gusar sumber air bersih hanya bertahan untuk beberapa hari lagi**

FOTO: MOHD AZREN JAMALUDIN

**Mersing**

**K**ebimbangan sebahagian penduduk di daerah ini semakin memuncak apabila Empangan Congok yang menyalurkan air mentah kepada Loji Rawatan Air (LRA) Tenglu, di sini, untuk kegunaan penduduk setempat semakin menyusut dan hampir kering.

Tinjauan Harian Metro mendapati empangan yang diuruskan oleh Syarikat Air Johor (SAJ) itu semakin menyusut, semalam, bahkan dasar empangan yang sebelum ini dipenuhi sumber air dari Sungai Mersing juga boleh kelihatan dengan jelas.

Meskipun empangan berkenaan masih beroperasi, namun ia berada pada tahap kritikal dengan bacaan semasa paras air empangan itu berada pada paras 2.50 meter dan sudah melepasi paras kritikal 3.50 meter hampir sebulan lalu.

Pengurus Besar Pengeluaran dan Agihan SAJ Elias Ismail berkata, operasi mengepam air di empangan itu hanya boleh bertahan selama beberapa hari lagi.

"Empangan ini semakin menyusut dan kering akibat kemarau berpanjangan di daerah Mersing," katanya yang menyifatkan kejadian kemarau itu sebagai jarang berlaku.

Beliau berkata, walaupun keadaan semakin buruk di empangan itu, namun LRA Tenglu masih beroperasi dan mempunyai simpanan air untuk kegunaan pendu-

duk setempat.

Katanya, SAJ melaksanakan bekalan air berjadual di Mersing sejak Mac lalu dengan pendekatan tempoh 48 jam tiada bekalan air dan 24 jam pula ada pengagihan bekalan air.

Ketika ini, katanya, sebahagian air terawat dari LRA Tenglu disalurkan kepada 8,200 pemilik akaun atau 40,000 pengguna di daerah ini manakala sebahagian lagi dari LRA Sungai Mersing dengan kedudukannya 25 kilometer dari LRA Tenglu.

"Dalam daerah Mersing saja, terdapat lima LRA yang diselia oleh SAJ. Selain LRA Tenglu dan LRA Sungai Mer-



**TANAH** Empangan Congok yang merekah akibat kemarau berpanjangan.

sing, terdapat tiga LRA lain iaitu di FELDA Nitar, Tenggaroh dan Endau," katanya.

Menurutnya, berikutan kemerosotan paras air di empangan itu, penduduk diingatkan supaya menggunakan bekalan air secara berhemah.

Sementara itu, pengusaha restoran Nita Halini Mohamed, 40, berkata, perniaga-

annya mengalami kemerosotan berikutan kekurangan sumber air sejak beberapa bulan lalu.

Dia yang berniaga di Jalan Endau, di sini, berkata, situasi itu pada mulanya dianggap sementara, namun keadaan sebaliknya berlaku selepas berlaku catuan air sejak Mac lalu dan berlarutan hingga kini.

**KEADAAN** Empangan Congok yang hanya bertahan untuk beberapa hari.

"Keadaan itu memaksa saya mengangkut sehingga 20 baldi air sehari dari rumah untuk kegunaan di restoran.

"Tanpa bekalan air yang mencukupi, amat sukar bagi saya untuk menjalankan perniagaan kerana air digunakan untuk memasak, minuman, membasuh dan membersihkan kedai serta tandas," katanya.

Akhbar ini pada 20 Ogos lalu melaporkan lebih 200 penduduk sekitar daerah ini mengadakan solat hajat dan istisqa bagi memohon diturunkan hujan dan memulihkan keadaan cuaca seperti

sediakala berikutan cuaca panas yang melanda daerah ini sejak beberapa bulan lalu

menyebabkan paras air di Empangan Congok semakin menyusut.

4G+4G  
yes  
www.yes.my  
PROMOSI MERDEKA & HARI MALAYSIA  
RM68  
16GB DATA  
Hanya RM188\* (RNF RM599)  
\*Berlaku kepada semua jenis peranti  
Yes Communications Sdn Bhd (996334-V)